

DATE: 17/10/2008

Dr. Mahathir perancang utama

Oleh ANGELINA SINYANG

TRONOH 16 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad menafikan bahawa beliau adalah 'perancang utama' dalam meningkatkan populariti Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai pemimpin masa depan negara.

Menurutnya, adalah mengarut dirinya dituduh memainkan peranan di sebalik pemilihan Najib sebagai bakal Perdana Menteri kerana Timbalan Perdana Menteri itu bukanlah pengikutnya.

"Dia (Najib) adalah orang dia sendiri... dia bukan orang saya. Idea (cakap-cakap) mengatakan dia orang saya adalah mengarut.

"Saya bukan perancang utama di sebalik pelantikan Perdana Menteri baru kerana Najib adalah orangnya sendiri. Tidak semestinya dia akan mendengar cakap saya," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ceramah umum bertajuk *Identiti Kebangsaan dan Perkongsian Kuasa* di Universiti Petronas di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau belum pernah membuat sebarang pengumuman menyatakan tanda sokongan terhadap Najib tetapi semua pihak boleh melihat bahawa Timbalan Perdana Menteri itu berpeluang cerah menjadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Ini kerana kata bekas Perdana Menteri itu, pencabar Najib iaitu Ketua UMNO Bahagian Gua Musang, Tengku Razaleigh Hamzah tidak mendapat sebarang pencalonan sehingga kini.

Katanya, beliau tidak kisah siapa dilantik menjadi Presiden UMNO kerana sudah memutuskan akan bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang dipilih memegang jawatan tersebut.

"Saya dah putuskan bahawa saya akan bekerjasama dengan sesiapa sahaja yang menjadi Presiden UMNO," katanya.

Diminta mengulas mengenai peluang anaknya, Datuk Mukhriz memenangi ja-



PELAJAR-pelajar Universiti Teknologi Petronas (UTP) mengambil kesempatan bersalam dengan Dr. Mahathir Mohamad selepas beliau menyampaikan ceramah umum di Tronoh, semalam.

watan Ketua Pemuda UMNO, katanya, jumlah pencalonan yang banyak dan layak bertanding bukan penentu kemenangan kerana tidak semestinya mereka akan diundi oleh perwakilan.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr. Maha-

thir berkata, usaha membentuk identiti kebangsaan bagi rakyat Malaysia adalah sukar dicapai kerana masyarakat di negara ini terdiri daripada berbilang-bilang kaum yang mempunyai bahasa, budaya dan agama berbeza.

Katanya, rakyat Malaysia sukar disatukan kerana masing-masing ingin mengekalkan keunikan kaum sendiri dan ia berbeza dengan negara lain di Asia dan Eropah yang mempunyai penduduk terdiri daripada hanya satu etnik sahaja.